

## **Amalan Dan Pendekatan Pencerapan Klinikal Dalam Praktikum Serta Impaknya Terhadap Kualiti Guru Pelatih**

***Rekkeman Kusut***

*Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
rekkeman@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Dunia pendidikan masa kini penuh dengan cabaran dan pergolakan yang perlu ditangani oleh semua lapisan masyarakat. Untuk mendapatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah guru hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan berkesan. Oleh itu, satu daripada faktor kejayaan di bilik darjah ialah penyeliaan yang sistematik dan berkesan, Sebenarnya terdapat banyak cara membuat penyeliaan untuk menyelesaikan masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah. Ada di antaranya lebih sesuai dilakukan secara langsung dan ada pula penyeliaan secara tidak langsung. Keadaan ini banyak bergantung kepada tujuan penyeliaan itu sendiri khususnya di antara penyelia dan guru yang diselia. Walau bagaimanapun faktor penentu ukuran kejayaan sesuatu penyeliaan itu bergantung kepada keberkesanannya dan kedua-dua pihak iaitu guru serta penyelia dapat merasa suatu kepuasan dalam tugas mereka di samping berjaya mengatasi segala masalah pengajaran dan pembelajaran. Melalui pencerapan klinikal banyak masalah pengajaran dan pembelajaran dapat diperkasakan khususnya di kalangan guru pelatih. Penyeliaan klinikal adalah satu pendekatan yang dapat merangkumi semua aspek di dalam penyeliaan yang sepatutnya dilakukan pada masa kini. Penyeliaan ini merupakan satu proses untuk menyediakan peluang bagi guru pelatih mempraktikkan teori dalam amalan pengajaran pembelajaran serta menghasilkan teori pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah sebelum mereka keluar sebagai guru terlatih. Pencerapan klinikal juga dapat membentuk dan mempertingkatkan kualiti guru supaya lebih bertanggungjawab, berketrampilan dan mempunyai sifat-sifat keguruan yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Melalui pencerapan klinikal, guru pelatih dapat menyepadukan teori dan amalan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada urutan penyeliaan yang lengkap dalam tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas penyeliaan sesi pengajaran dijalankan. Amalan dan pendekatan ini akan meningkatkan lagi kualiti guru pelatih bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi merangkumi aspek sahsiah guru bersesuaian dengan konsep muddaris, mu'allim, murabbi, muaddib, mursyid dan muballigh yang diperlukan oleh seseorang guru yang berilmu dan berketrampilan.

### **PENGENALAN**

Pencerapan klinikal merupakan proses penyeliaan untuk menyediakan peluang bagi guru-guru khususnya guru pelatih mempraktikkan teori dalam amalan pengajaran pembelajaran serta menghasilkan teori pengajaran pembelajaran yang tersendiri. Penelitian ini bertujuan untuk melihat amalan dan pendekatan pelaksanaan pencerapan klinikal dalam praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. Penyeliaan klinikal (Clinical supervision) adalah satu penyeliaan secara langsung (direct) yang boleh dilakukan oleh Penyelia, Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Pensyarah, Ketua Panitia dan sesiapa sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah pengajaran-pembelajaran. Penyeliaan klinikal ini hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya apabila mendapat kerjasama atau timbul kesefahaman di antara kedua-dua pihak yang boleh mencapai ke arah perubahan positif.

## **PENCERAPAN KLINIKAL DALAM PRAKTIKUM**

Pencerapan klinikal dalam penyeliaan pengajaran telah wujud sejak lahirnya sistem pelajaran yang meluas. Berbagai bentuk penyeliaan telah diamalkan, berasaskan andaian-andaian tertentu. Pencerapan klinikal yang diutarakan lebih kepada pemusatan cara penyeliaan berasaskan satu rangka rujukan untuk menjalankan penyeliaan dan pendekatan yang berpusat kepada “rawatan” sesuatu yang perlu diperbaiki ataupun mempertingkatkan sesuatu yang sudah baik. Perkembangan penyeliaan klinikal bermula dalam tahun 1970an, dengan penulisan dan amalan Cogan (1973) dan Goldhammer (1969). Mereka mula-mula mengutarakan idea bahawa pengajaran guru boleh dipertingkatkan dengan bantuan penyeliaan melalui kegiatan-kegiatan terancang, iaitu dirancang khusus untuk “merawat” kelemahan-kelemahan dalam pengajaran guru yang telah dikenalpasti setelah mereka diperhatikan semasa mereka menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ianya boleh dikatakan sebagai proses pembetulan. Fokus penyeliaan klinikal adalah kepada teknik pengajaran dan tidak secara langsung kepada pengurusan sekolah. Titik permulaan proses ialah data yang konkrit yang didapati melalui pemerhatian semasa guru benar-benar menjalankan pengajaran dan bukannya teori tentang apa yang sepatutnya dijalankan.


Pencerapan klinikal merupakan proses penyeliaan yang merangkumi ciri-ciri seperti pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran. Disinilah kualiti guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran dapat diawasi, dididik dan dipertingkatkan oleh pensyarah. Semasa penyeliaan dibuat, segala perlakuan guru sama ada positif atau negatif dicatat oleh penyelia, tidak kira perbuatan, pertuturan atau tabiat. Cara ini memastikan guru mendapat maklum balas yang jelas dan segera daripada penyelia tentang kekuatan dan kelemahannya. Laporan dan teguran yang berterus terang daripada penyelia membolehkannya memperbaiki pengajarannya.

Pensyarah pembimbing, guru pembimbing dan guru pelatih bersama-sama akan dapat berusaha:


- i) memperbaiki kelemahan pengajaran/pembelajaran
- ii) memperkembangkan potensi dan kemahiran
- iii) mempertingkatkan kualiti guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran.

Keseluruhannya maklum balas daripada penyelia dan guru pelatih dijadikan sebagai ukuran untuk penambahbaikan dan memberi peluang antara mereka untuk membuat keputusan tentang amalan-amalan yang boleh diteruskan, disemak semula dan perubahan yang perlu dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang.

## LINGKARAN PENCERAPAN KLINIKAL



## Aktiviti Pencerapan Klinikal



## **LANGKAH-LANGKAH DALAM PENCERAPAN KLINIKAL**

### **a. Persidangan Prapemerhatian (Pre Observation Planning Conference)**

Peringkat ini bertujuan mewujudkan kefahaman yang menyeluruh (kerangka mental) dan langkah-langkah (prosedur) bagi setiap peringkat pencerapan yang akan berlaku. Pembimbing perlu berusaha menjalinkan perhubungan dan menyakinkan guru pelatih bahawa tujuannya adalah untuk membantu beliau dalam aspek-aspek profesional. Kedua belah pihak berusaha mengekalkan hubungan kemesraan (*rapport*) ketika perbincangan dibuat supaya segala masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dapat dikenalpasti. Peringkat ini juga digunakan untuk menentukan fokus pemerhatian yang dipersetujui bersama.

Persidangan Pra Pemerhatian ini hendaklah dilakukan di tempat yang sesuai umpamanya di bilik pengetua, bilik penolong kanan atau di bilik-bilik khas. Minuman dan makanan bolehlah disediakan supaya keadaan lebih mesra dan pihak yang kedua pula merasai dihormati. Pada masa perbincangan ini, penyelia hendaklah meneliti dan simpati akan masalah yang diluahkan oleh guru pelatih dan hendaklah memberikan "harapan" kepadanya samada melalui anggukan atau kata-kata perangsang. Dalam pada itu, penyelia perlu memikirkan cara bagaimanakah kaedah ini dapat digunakan dalam jangka masa pendek tetapi berjaya menyelesaikan masalah tersebut secara berkesan untuk satu jangka masa panjang. Dalam perbincangan awal ini penyelia dan guru hendaklah dalam suasana yang mesra dan tidak tertekan. Keadaan ini pasti memberikan keyakinan lebih kepada guru pelatih sehingga ada kalanya dia rela mencurahkan segala masalah yang dihadapinya secara terus terang. Guru yang emosional pula, kadang kala akan mengalirkan air mata atau sedih, marah, geram atau menahan perasaan semasa perbincangan. Dalam situasi sedemikian, penyelia mesti bersifat 'attentive' dan "simpati". Sebenarnya, di sinilah penyelia yang berpengalaman dan memiliki sedikit sebanyak pengetahuan 'runding cara' menggunakan kemahiran dan pengalaman untuk memberi harapan bagi membantu guru pelatih yang menghadapi masalah. Menanamkan keyakinan diri merupakan pendorong utama ke arah kejayaan usaha ini.

### **b. Pemerhatian Di Bilik Darjah (Classroom Visit/ Observation)**

Dalam peringkat ini penyelia memerhatikan pengajaran yang disampaikan oleh guru pelatih dan membuat catatan (data). Penyelia juga menyediakan huraian data bagi membantunya semasa sesi bimbingan. Pemerhatian dilakukan sepanjang waktu pengajaran bagi mata pelajaran berkenaan. Ketepatan masa adalah sangat penting ketika berlakunya proses pencerapan ini, penyelia seboleh-bolehnya hendaklah mengikut masa yang ditetapkan dan tidak pula mengganggu proses pengajaran-pembelajaran yang sedang berjalan, begitu juga apabila keluar, hendaklah keluar tanpa mengganggu pengajaran, Apakah yang perlu dicerap oleh penyelia ketika berada di bilik darjah? Ini banyak bergantung kepada tujuan pencerapan itu sebenarnya. Pada kebiasaannya penyelia lebih berminat melihat sejauh mana keberkesanan pengajaran-pembelajaran di bilik darjah di samping menumpukan aspek permasalahan yang dihadapi oleh guru pelatih berkenaan.

Terdapat beberapa aspek yang perlu menjadi fokus pemerhatian di bilik darjah. Antaranya : Pertama; Kecekapan guru menggunakan peruntukan masa (pengurusan bilik darjah serta pengajaran dan pembelajaran). Kedua; Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan terutama apabila menjelaskan satu-satu konsep sehingga difahami oleh para pelajar. Ketiga; Kebolehan dan kecekapan guru mengemukakan kepelbagaian soalan. Keempat; Objektif pengajaran dan pembelajaran yang jelas. Kelima; Interaksi di antara guru-murid, murid-guru dan murid-murid.

Keenam; Suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Penyelia juga perlu mencatat segala kelemahan dan kekuatan guru berkenaan untuk tujuan perbincangan dengan menggunakan satu senarai semak.

**c. Analisis Selepas Pemerhatian (Post-Observation Analysis)**

Langkah ini melibatkan pensyarah pembimbing atau guru pembimbing mencerap dan meneliti aktiviti pengajaran guru pelatih dengan tujuan:

- i) menjelaskan apa yang telah dicatatkan semasa pemerhatian dengan memberi fokus kepada apa yang telah dipersetujui.
- ii) merancang strategi pencerapan yang akan dikendalikan pada masa akan datang. Penyelia harus mengkategorikan data, menyediakan strategi tindakan sidang pasca pemerhatian, soalan dan kesimpulan untuk memudahkan perbincangan dan penerangan berkaitan dengan pengajaran yang telah dijalankan.

**d. Sidang Pasca Pemerhatian (Post-Observation Conference)**

Dalam sidang ini pensyarah pembimbing atau guru pembimbing berbincang dengan guru pelatih tentang pengajaran dengan;

- i) merujuk kepada perkara-perkara (episod-episod) tertentu dalam pelajaran yang telah dijalankan.
- ii) memberikan penerangan atau penjelasan mengenai alternatif.

Setelah segala maklumat dikumpulkan, guru pelatih berkenaan dijemput untuk berbincang atau bersidang dengan penyelia. Suasana persidangan ini perlu diberikan perhatian serius. Jika diadakan di tempat yang tidak sesuai sudah tentu keberkesannya berkurangan. Gunakan tempat yang lebih kondusif bertujuan untuk meredakan ketegangan guru. Penyelia harus memainkan peranan dengan menyakinkan guru itu bahawa tidak ada satu masalah pun yang tidak boleh diselesaikan. Kemajuan atau peningkatan guru pelatih dalam aspek pengajarannya jika ada perlulah dipuji, dan tentang kelemahannya pula, penyelia perlulah memberi bimbingan secara berhemah. Jika boleh, guru berkenaan hendaklah diminta memberikan cadangan untuk memperbaiki kelemahan diri sendiri di samping memberikan masa dan ruang untuknya menyatakan sesuatu idea. Ketika berlangsung persidangan ini, penyelia hendaklah sentiasa berhati-hati memberikan komen dan tegurannya. Keikhlasan kedua pihak mengeluarkan pendapat masing-masing dalam suasana mesra serta saling hormat menghormati menjadi faktor penting terhadap kejayaan penyeliaan klinikal ini.

**e. Analisis Sidang Pasca Pemerhatian (Post-Conference Analysis)**

Langkah ini melibatkan pensyarah pembimbing atau guru pembimbing menganalisis sidang pasca pemerhatian bagi mengkaji semula strategi pencerapan dan membuat penilaian sendiri. Begitu juga guru pelatih akan membuat refleksi sendiri hasil daripada penyeliaan yang telah dijalankan. Sejauh manakah berjayanya penyeliaan klinikal ini banyak bergantung kepada penyelia itu sendiri sebagai pelakon utama dalam mengendalikan peranannya. Penyelia yang bersifat terbuka dapat mengatasi masalah guru pelatih dengan baik dan guru pelatih dapat menerima teguran bagi penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, tindak ikut oleh penyelia dan yang diselia adalah perlu. Sekiranya langkah penyeliaan yang diambil kurang berkesan, prosedur tersebut bolehlah diulang pada penyeliaan berikutnya.

Penyeliaan klinikal adalah satu program khusus yang dirancang dan berkisar di sekitar perbincangan antara pensyarah pembimbing atau guru pembimbing dengan guru pelatih berkenaan berasaskan kepada pemerhatian yang dijalankan. Maklumbalas disampaikan kepada guru pelatih mengenai kekuatan dan kelemahan pengajaran yang telah mereka laksanakan. Diharapkan jika ianya merupakan satu kekuatan, akan dapat diteruskan dan sekiranya terdapat kelemahan, ianya harus segera diperbaiki atau dipertingkatkan. Program penyeliaan klinikal mengambil rupabentuk satu putaran kegiatan yang perlu mengikut urutan klinikal bagi kecemerlangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya dapat dikatakan putaran penyeliaan klinikal ini mempunyai tiga fasa yang utama di mana pencerapan berfokuskan pemerhatian yang menjadi bahan perbincangan merupakan fasa yang terpenting iaitu fasa sebelum pemerhatian, fasa semasa pemerhatian dan fasa selepas pemerhatian.

Oleh itu bagi melaksanakan penyeliaan berkesan, pensyarah dan guru pembimbing perlulah memikirkan perkara-perkara berikut;

- i. Penyeliaan sepatutnya menguntungkan kepada guru pelatih.
- ii. Penyeliaan adalah sebahagian daripada proses penilaian bakal guru dan perlu diadakan secara berterusan.
- iii. Penilaian guru boleh dilakukan berdasarkan beberapa aspek-aspek tertentu hasil daripada perbincangan antara pembimbing dengan guru pelatih

## **PENILAIAN MENGIKUT MODEL PENCERAPAN KLINIKAL**

Tujuan pencerapan klinikal diadakan ialah untuk:

- a) Memperbaiki kelemahan pengajaran pembelajaran.
- b) Memperkembangkan potensi dan kemahiran.

Unsur-unsur penilaian pencerapan klinikal adalah:

- a) merupakan suatu teknologi untuk meningkatkan pengajaran,
- b) pertimbangan intervensi dalam proses pengajaran,
- c) berorientasikan matlamat dengan menyepadukan keperluan sekolah dan keperluan perkembangan peribadi guru di sekolah,
- d) mempunyai hubungan kerja yang profesional antara penyelia dan guru,
- e) memerlukan kepercayaan yang tinggi antara guru dan penyelia seperti mana yang boleh diperlihatkan melalui persefahaman, sokongan dan komitmen untuk tujuan peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran,
- f) merupakan suatu penilaian yang sistematik, walaupun memerlukan kaedah yang fleksibel dan perubahan yang berterusan,
- g) membina satu hubungan yang produktif antara sesuatu yang unggul dan yang sebenar,
- h) mengandaikan bahawa seorang penyelia mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang penganalisan pengajaran dan pembelajaran serta hubungan kemanusiaan yang produktif, dan
- i) memerlukan latihan praperkhidmatan (khususnya dalam teknik-teknik pemerhatian) serta refleksi yang berterusan terhadap pendekatan yang berkesan.

## **IMPAK PENCERAPAN KLINIKAL TERHADAP KUALITI GURU PELATIH**

Pencerapan klinikal dapat mempertingkatkan kualiti guru pelatih berdasarkan beberapa peringkat penyeliaan. Di antaranya pada perancangan, pelaksanaan, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, interpersonal dan intrapersonal, pengetahuan tentang mata pelajaran, pengajaran dan pembelajaran, komunikasi, pengurusan bilik darjah, penilaian, kokurikulum, bimbingan serta pengurusan dan pentadbiran. Setiap peringkat penilaian akan mempertingkatkan kualiti guru pelatih berdasarkan pencerapan yang berterusan. Impak pencerapan klinikal terhadap kualiti guru pelatih dalam pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut;

### **Perancangan:**

- Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan spesifik mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran.
- Isi amat sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.
- Pemingkatan isi amat jelas mengikut urutan bagi mencapai hasil pembelajaran.
- Strategi dan aktiviti amat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua aspek pengajaran pembelajaran termasuk unsur-unsur ICT.
- Pemilihan sumber amat baik dan amat sesuai serta amat membantu proses pengajaran pembelajaran termasuk penggunaan ICT.
- Pemilihan nilai amat sesuai untuk diterapkan melalui pelajaran yang akan disampaikan.
- Pernyataan kemahiran berfikir amat jelas dan sesuai.
- Terdapat langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran untuk penguasaan kemahiran berfikir.
- Terdapat aktiviti yang melibatkan pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran untuk kemahiran belajar.
- Rancangan penggunaan alat berfikir jelas.
- Terdapat perancangan penggunaan teknik penyoalan.
- Amat berjaya mewujudkan kesediaan pelajar.

### **Pelaksanaan:**

- Pelaksanaan set induksi yang amat sesuai, menarik, menyeronokkan, dapat menarik tumpuan dan memotivasikan semua pelajar.
- Berjaya melaksanakan langkah-langkah pengajaran dengan amat teratur dan terkawal.
- Maklumat atau bahan yang diajar berjaya disampaikan berperingkat-peringkat.
- Kadar kelajuan penyampaian amat sesuai dengan tahap kebolehan pelajar.
- Boleh mempelbagaikan aktiviti mengikut kehendak dan kebolehan murid serta menepati hasil pembelajaran dan berjaya mengawal semua murid dalam kelas.
- Amat berjaya mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran di kalangan sebahagian besar pelajar.
- Dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang amat kondusif dan dapat memotivasikan sebahagian besar pelajar.
- Dapat mengawal disiplin dengan amat baik.
- Arahan amat jelas dan amat dipatuhi oleh sebahagian besar pelajar.
- Amat berjaya menggerakkan pelajar melalui penggunaan bahasa yang ekspresif dan berkesan.
- Kualiti suara adalah amat baik, dapat mempelbagaikan nada dan intonasi serta kelantangan suara amat sesuai.
- Sebutan adalah amat jelas, tepat, menarik dan dapat mengekalkan perhatian semua pelajar.



- Pelajaran amat difahami dan pelajar memberi jawapan yang tepat.
- Membuktikan pemahaman konsep dan isi pelajaran.
- Ada perubahan tingkah laku yang amat nyata.
- Pelajar amat responsif dan terlibat sepenuhnya dalam aktiviti.
- Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian cara yang amat berkesan.
- Berjaya membuat rumusan dan kesimpulan.
- Berjaya menguruskan pelajar dengan amat teratur.
- Memberi arahan untuk bersurai secara teratur dan pelaksanaannya sangat terkawal dan berdisiplin.
- Ada aktiviti susulan.
- Semua hasil pembelajaran yang disenaraikan berjaya dicapai melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan.
- Amat berjaya menerapkan nilai-nilai murni dengan baik dan berkesan pada masa yang sesuai.

#### **Amalan refleksi:**

- Menunjukkan kematangan dalam membuat refleksi kritikal dan ulasan sendiri.
- Kebolehan membuat tindakan susulan.
- Memperlihatkan perkembangan dan peningkatan kualiti diri.
- Dapat mengenal pasti serta menilai kekuatan dan kelemahan diri dengan amat jelas.
- Dapat menghubungkan sebab dan akibat terhadap tindakan yang diambil.
- Dapat mengaitkan sebab dan akibat untuk membuat inferens.
- Dapat meramal kesan sesuatu tindakan dan bertindak berlandaskan bukti, seterusnya merancang langkah susulan.
- Menunjukkan kesungguhan dan kerajinan dalam proses pembinaan portfolio, dokumen dan maklumat yang ditambah itu amat relevan.
- Penulisan jurnal menunjukkan amalan refleksi yang amat jelas.
- Penyediaan portfolio amat kemas, kreatif dan teratur serta amat menepati objektif penyediaan portfolio praktikum.

#### **Sikap dan sahsiah:**

- Penampilan diri yang menunjukkan keyakinan diri dalam segala perlakuan, mesra dan memiliki sifat kecintaan serta dapat menimbulkan kesan yang menyenangkan, bersopan santun, berbudi bahasa dan berwibawa sebagai seorang guru.
- Amat berjaya di dalam menyesuaikan diri dengan keadaan dan situasi.
- Amat prihatin dan menunjukkan sifat kemanusiaan seperti peka, mesra, bertimbang rasa, sabar, empati dan akrab serta mengambil berat terhadap masalah, kepentingan, kebajikan dan keselamatan pelajar.
- Dapat membuat tindakan yang amat sesuai dengan masalah yang dihadapi.
- Sentiasa menunjukkan budi pekerti yang luhur, terpuji, berbudi bahasa serta dapat menyesuaikan tingkahlaku sebagai seorang guru.
- Amat sesuai sebagai model kepada murid.
- Sentiasa mengaplikasikan nilai-nilai murni.
- Sedia berkorban masa dan tenaga dalam melaksanakan tugas.
- Sentiasa menunjukkan tanggungjawab dan iltizam yang tinggi.
- Bekerja dengan bersungguh-sungguh sebagai anggota profesional dalam pasukan sekolah.
- Menyediakan persediaan mengajar yang amat kemas dan teratur.

**Interpersonal dan intrapersonal:**

- Menampilkan sifat-sifat profesional yang amat baik, mudah diterima sebagai rakan sejawat, kakitangan sekolah, ibu bapa dan masyarakat dan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran.
- Berjaya menarik minat kanak-kanak.
- Memiliki semangat dan komitmen kerja yang amat tinggi.

**Pengetahuan tentang mata pelajaran:**

- Penguasaan yang amat baik tentang mata pelajaran pengkhususan.
- Sentiasa berupaya menghadapi masalah di luar jangkaan.
- Memahami dengan baik keperluan murid pada semua tahap kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Komunikasi:**

- Berjaya mengerakkan pelajar melalui penggunaan bahasa yang ekspresif dan berkesan.
- Kualiti suara adalah baik; dapat mempelbagaikan nada dan intonasi serta kelantangan suara sesuai.
- Sebutan adalah jelas, tepat, menarik dan dapat mengekalkan perhatian pelajar.

**Pengurusan bilik darjah:**

- Boleh mempelbagaikan tugas, peka terhadap keperluan kumpulan, berjaya mengurus masa dengan amat baik dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Dapat menangani situasi yang berlaku secara tiba-tiba dengan bijak dan penuh keyakinan.
- Berupaya mempertingkatkan minat pelajar.

**Penilaian:**

- Mahir menilai kemajuan murid selaras dengan objektif pembelajaran.
- Berkebolehan membuat refleksi sendiri secara mendalam dan kritis.
- Berkebolehan menggunakan dan membina soalan-soalan mengikut aras yang tertentu.

**Kokurikulum:**

- Menjadi pembantu penasihat kokurikulum secara aktif dan bertanggungjawab.
- Menunjukkan kemahiran mengelola dengan cekap.
- Menunjukkan minat dan kesungguhan untuk menguasai kemahiran baru yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kokurikulum.

**Bimbingan:**

- Berjaya menampilkan diri sebagai pembimbing.
- Berkebolehan dalam membantu murid-murid menangani masalah-masalah pembelajaran, sosial dan peribadi.
- Memerlihatkan ciri-ciri bimbingan yang profesional.
- Mahir menggunakan teknik-teknik pemudahcaraan semasa membimbing.

### **Pengurusan dan pentadbiran:**

- Menerima dan sanggup memainkan pelbagai peranan lain yang membawa kebaikan kepada sekolah.
- Melaksanakan semua peranan dengan segera, bersungguh-sungguh dan dengan penuh tanggungjawab.
- Cekap dalam merancang, mengelola dan mengurus pelbagai sumber untuk mencapai objektif sekolah.
- Menampilkan diri sebagai pengelola yang ada kemahiran berkomunikasi, kecekapan memimpin, dan kemahiran memberi motivasi.

### **RUMUSAN**

Pada keseluruhannya pencerapan klinikal merupakan langkah penyelesaian setiap masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua peringkat disekolah. Bagi guru pelatih, latihan praktikum dengan menggunakan kaedah pencerapan klinikal akan dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran mereka samada secara formal, informal atau non formal. Didikan dan bimbingan dari penyelia khususnya pensyarah pembimbing yang memahami sebenarnya lingkaran dan sistem pencerapan klinikal adalah diperlukan supaya bimbingan yang diberikan dapat diterima oleh guru pelatih dengan secara terbuka dan lebih menyeluruh. Perbincangan yang harmoni dan tidak menekan menjadikan penyeliaan yang dijalankan lebih kepada perundingan dan perbincangan untuk mencari titik pertemuan yang baik dalam menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran. Penyelia yang memahami pencerapan yang sebenar seharusnya mengamalkan pendekatan pencerapan klinikal dalam kaedah bimbingan guru pelatih supaya bakal guru ini akan dapat mempertingkatkan pengajarannya dengan lebih berkesan selepas menjadi guru yang terlatih nanti. Pencerapan yang baik dan menyeluruh akan melahirkan seorang guru yang berkualiti dalam bidang keguruan dan dapat melahirkan generasi ilmunan yang produktif untuk jenerasi yang akan datang. Guru yang cemerlang dan berkualiti akan menyepadukan teori dan amalan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan konsep guru mudarris, mua'llim, murabbi, muaddib, mursyid dan muballigh.

### **RUJUKAN**

- Bahagian Pendidikan Guru. (2010). *Standard Guru Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Garis Panduan Praktikum. (2005). *Latihan Perguruan Praperkhidmatan Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah*. Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia (Berkuatkuasa Mulai Mac 2005).
- Glickman, C. D. (1998). *Supervision of instruction: A development approach*. Georgia: Allyn and Bacon Inc.
- Glickman, C., Gordon, S., And Ross-Gordon, J. (2007). *Supervision and instructional leadership: A development approach*. New York: Pearson.
- Hart, G. (1982). *The process of clinical supervision*. Baltimore: University Park Press.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepemimpinan dan keberkesanan sekolah (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, & Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). *Penilaian latihan mengajar dalam program pendidikan guru di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia: Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG) Malaysia.
- Sergiovanni, T.J. (1977). *Handbook for effective department leadership: Concepts and practices in today's secondary school*. Boston, MA: Allyn & Bacon.